

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2007/2008

Oktober/November 2007

**HKB 317– KESUSASTERAAN KANAK-KANAK**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. SATU soalan daripada bahagian A dan TIGA soalan daripada bahagian B.

Bahagian A

1. Bincangkan ciri-ciri kesusasteraan kanak-kanak. Apakah perbezaan di antara kesusasteraan kanak-kanak dan kesusasteraan dewasa? Dengan merujuk kepada cerita “Gadis Kecil Penjual Manik” dan “Anak Itik Yang Hodoh” yang ditulis oleh Hans Christian Anderson, jelaskan ciri-ciri kesusasteraan kanak-kanak seperti yang terdapat di dalamnya.
2. Jelaskan mengapa sebelum abad ke-16, tidak ada pembahagian yang jelas antara kesusasteraan kanak-kanak dengan kesusasteraan orang dewasa. Dengan merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai, bincangkan faktor-faktor yang menyebabkan berkembangnya kesusasteraan kanak-kanak selepas itu.

Bahagian B

3. Apakah yang dimaksudkan dengan kecerdasan Emosi? Merujuk kepada cerita-cerita dalam *Siri Cerita-Cerita EQ*, bincangkan kecekapan-kecekapan yang berhubungan dengan cara mengurus emosi dan motivasi sendiri kanak-kanak.
4. Huraikan ciri-ciri genre biografi kanak-kanak (*juvenile biographies*) dan jenis-jenisnya. Merujuk kepada satu contoh yang sesuai, bincangkan salah satu jenis genre biografi berkenaan.
5. Berdasarkan kepada sebuah teks daripada “mother goose rhymes”, bincangkan keupayaan teks ini menyumbangkan kepada pembangunan kanak-kanak iaitu:
  - [i] pembangunan kognitif.
  - [ii] pembangunan estetik.
  - [iii] pembangunan sosial dan fizikal.
6. Kartun mempunyai tempat yang khusus dalam kesusasteraan kanak-kanak. Merujuk kepada karya “The Prince and the Pauper” terbitan Walt Disney, dan “Lat The Kampong Boy”, bincangkan bagaimana kartun boleh dijadikan sastera visual kanak-kanak.
7. Jelaskan motif-motif dalam genre fantasi tradisional kanak-kanak. Merujuk kepada contoh-contoh daripada *Siri Cerita-Cerita EQ*, bincangkan motif-motif berkenaan.